

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2015/2016**

NAMA KURSUS : AKIDAH KETUHANAN DAN SAINS

KOD KURSUS : UWA10502

KOD PROGRAM : DAA/ DAB/ DAE/ DAJ/ DAK/ DAM/ DAR/ DAT/ DAU

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN / JULAI 2016

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEMBILAN BELAS (19)** MUKA SURAT

SULIT

- S1 Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan *al-Deen*?
- A Cara hidup
 - B Cabaran hidup
 - C Keselamatan hidup
 - D Kesejahteraan hidup

Soalan 2 hingga 5 adalah berkaitan pandangan agama terhadap manusia dengan merujuk **Jadual 1**.
Pilih jawapan yang tepat.

JADUAL 1

A	Islam
B	Hindu
C	Buddha
D	Kristian

- S2 Manusia hidup berasaskan *karma* atau ketentuan.
- S3 Manusia diciptakan oleh Tuhan berdasarkan imej Tuhan.
- S4 Manusia sentiasa berusaha mencari kemewahan dan keseronokan semasa hidup di dunia.
- S5 Manusia mempunyai tanggungjawab dan amanah yang mesti dipikul dan melakukan kebaikan untuk mendapat balasan yang baik di akhirat.
- S6 Apakah perkataan Arab yang membawa erti manusia?
- I Insan
 - II Annas
 - III Bashar
 - IV Bani Ibrahim
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- S7 Apakah faktor yang mendorong manusia beragama?
- A Sebagai memenuhi masa lapang dan hobi
 - B Perasaan takut dan gentar terhadap manusia
 - C Ingin mendapatkan kemewahan dan kekayaan
 - D Keperluan manusia dan mengikut adat dan tradisi
- S8 Apakah peranan agama kepada manusia?
- I Mengasaskan perhubungan manusia di atas prinsip keadilan dan kesaksamaan
 - II Mengasuh akhlak, membetul perhubungan dan memerangi kacau bilau dan kerosakan
 - III Mencantumkan hati-hati para penganutnya dengan satu tali ikatan kasih sayang dan silaturrahim
 - IV Melahirkan perasaan aman, tenang dan bahagia kerana berasa dilindungi oleh Tuhan yang Maha Kuasa
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S9 Apakah kitab suci bagi agama Hindu?
- A Veda
 - B Avesta
 - C Agamas
 - D Tripitaka
- S10 Apakah agama yang berasal dari Asia Barat?
- A Hindu
 - B Shinto
 - C Kristian
 - D Buddha Shinto
- S11 Siapakah pengasas agama Tao?
- A Mo Tze
 - B Lao Tze
 - C Kong Fu Tze
 - D Kong Hu Chu

Soalan 12 hingga 13 adalah berkaitan sejarah agama dengan merujuk **Jadual 2**.
Pilih jawapan yang tepat.

JADUAL 2

A	Sikh
B	Islam
C	Buddha
D	Konghuchu

S12 Agama ini diasaskan pada tahun 563SM dan mempunyai kitab suci iaitu Tripitaka.

S13 Agama ini diasaskan pada tahun 570M dan mempunyai kitab suci iaitu al-Quran.

S14 Apakah pembahagian agama yang telah dinyatakan oleh sarjana Islam?

- A Agama Timur dan agama Barat
- B Agama dunia dan agama akhirat
- C Agama langit dan agama budaya
- D Agama tuhan dan agama manusia

S15 Apakah maksud perkataan *Ilah* atau tuhan dari segi bahasa?

- I Sejahtera
 - II Perlindungan
 - III Memperdewakan
 - IV Mengharap pertolongan
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 16 hingga 19 adalah berkaitan pengertian *Ilah* dengan merujuk **Jadual 3**.
Pilih jawapan yang tepat.

JADUAL 3

A	al-Qardawi
B	Ibn Manzur
C	Ibn Qayyim
D	al-Mawdudi

- S16** *Ilah* dari konteks bahasa merujuk kepada Allah S.W.T. dan tiap-tiap sesuatu yang disembah selain daripada Nya.
- S17** *Ilah* ialah yang dipuja, diagungkan dan diharapkan dapat memberi kemaslahatan atau kegembiraan.
- S18** *Ilah* adalah yang dipertuhankan oleh hati-hati dengan perasaan cinta, keagungan, kemuliaan, mengharap dan tawakal.
- S19** *Ilah* bermaksud kecenderungan, mengharapkan pertolongan, kerinduan, tidak mahu berpisah, pengabdian dan juga perlindungan.
- S20** Apakah maksud politeisme?
- A Kepercayaan kepada banyak tuhan
 B Kepercayaan kepada tuhan yang satu
 C Sembah satu tuhan, tidak nafi yang lain
 D Menyembah beberapa tuhan yang dipilih
- S21** Manakah pernyataan yang menjelaskan mengenai pembuktian wujudnya monoteisme dan politeisme?
- I Wahyu dan kitab
 II Cerita-cerita lisan
 III Rujukan dan siasatan
 IV Tulisan dan nyanyian keagamaan
- A I, II dan III sahaja
 B I, II dan IV sahaja
 C II, III dan IV sahaja
 D I, II, III dan IV

S22 Apakah ciri agama langit?

- A *Absolute monotheism*
- B *Monotheism in theory*
- C *Monotheism in practice*
- D *Speculative monotheism*

S23 Manakah pernyataan yang menjelaskan tentang monoteisme dalam agama langit?

- I Diketahui masa kelahirannya
 - II Mempunyai sumber rujukan
 - III Diketahui mengenai pembawanya
 - IV Terhadap kepada satu bangsa dan budaya sahaja
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S24 Manakah merupakan konsep ketuhanan yang satu?

- A *Absolute polytheism*
- B *Absolute monotheism*
- C *Monotheism in theory*
- D *Monotheism in practice*

Soalan 25 hingga 28 adalah berkaitan kepelbagaian *polytheisme* dengan merujuk **Jadual 4**.

Pilih jawapan yang tepat.

JADUAL 4

A	<i>Spirits</i>
B	<i>Attributes</i>
C	<i>Paradoxes</i>
D	<i>Pantheisme</i>

S25 Kepercayaan terhadap *good and evil* seperti yang terkandung dalam ajaran agama Zoroastrian di Parsi.

S26 Kepercayaan terhadap semangat dan roh-roh dalam kalangan masyarakat animisme seperti yang terdapat dalam sebahagian agama-agama dari negara China.

S27 Kepercayaan bahawa sifat-sifat dan perbuatan tuhan dipisahkan, lalu dijadikan dewa ataupun tuhan yang berbagai.

- S28** Kepercayaan bahawa terdapat kepelbagaian kewujudan dalam satu seperti kepercayaan dalam agama Hindu.
- S29** Mengapakah konsep ketuhanan tidak dibincangkan dalam agama Buddha?
- A Pengasasnya melarang pengikut memikirkan perkara mengenai ketuhanan
 - B Pengasasnya lebih memberi penumpuan kepada aspek etika dan ajaran-ajaran moral
 - C Penganut Buddha lebih mementingkan perbincangan untuk melakukan kebaikan sesama makhluk
 - D Penganut Buddha mendapati perbincangan mengenai ketuhanan sukar untuk difahami oleh manusia biasa
- S30** Manakah pernyataan yang menjelaskan kepentingan kedudukan salib dalam kalangan penganut Kristian?
- A Lambang kasih sayang
 - B Tanda kekuasaan tuhan
 - C Sebagai pusat penumpuan di dalam gereja
 - D Pusat penyatuan hubungan manusia dengan alam
- S31** Apakah nama tuhan dalam konsep Trimurti?
- A Brahma, Indra dan Agni
 - B Brahma, Siva dan Visynu
 - C Brahma, Siva dan Varuna
 - D Brahma, Agni dan Varuna
- S32** Apakah nama-nama tuhan bagi agama Sikh?
- I Nam
 - II Sirguna
 - III Nirguna
 - IV Nirvana
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S33 Manakah pernyataan yang menerangkan tentang konsep Nirvana dalam agama Buddha?

- A Sami Buddha mempunyai kuasa sihir
- B Dapat mengetahui segala rahsia manusia
- C Pelepasan diri dari segala masalah kehidupan
- D Pencapaian tertinggi dalam kehidupan manusia

S34 Apakah agama yang berpandangan bahawa kehidupan manusia adalah berasaskan *Karma*?

- A Islam dan Yahudi
- B Hindu dan Buddha
- C Shinto dan Buddha
- D Kristian dan Konfusius

S35 Apakah konsep yang bercanggah dengan akidah Tauhid?

- I *Monotheism in theory*
- II *Monotheism in practice*
- III *Speculative monotheism*
- IV *Acceptability monotheism*

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I,II, III dan IV

S36 Apakah kesan negatif syirik terhadap kehidupan manusia?

- I Mengikat manusia dengan kepercayaan tahyul yang pelbagai
- II Konsep balasan selepas mati, dimasukkan ke dalam neraka dan kekal di dalamnya
- III Satu kezaliman terhadap diri sendiri kerana memperhambakan diri kepada selain daripada tuhan yang satu
- IV Menerbitkan rasa takut yang tidak berpenghujung kerana kepercayaan terhadap pelbagai tuhan yang tidak jelas asal-usul dan tindakannya

- A I, II dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C II, III, dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

- S37 Manakah pernyataan yang menerangkan ciri agama Islam sebagai agama Samawi?
- A Tidak melantik rasul sebagai utusan Allah S.W.T.
 - B Namanya diberikan oleh Nabi Muhammad S.A.W.
 - C Diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada bangsa Arab sahaja
 - D Al-Quran sebagai kitab rujukan yang diturunkan oleh Allah S.W.T.
- S38 Mengapakah ajaran Sikh dikatakan mempunyai unsur agama Islam?
- A Larangan menyembah berhala
 - B Kitab agama dalam Bahasa Arab
 - C Penganjuran amalan perayaan Islam
 - D Ajarannya berteraskan undang-undang syariah
- S39 Apakah perkataan Arab yang merupakan asal kepada perkataan ilmu?
- A *I'lam*
 - B *'Alima*
 - C *'Alama*
 - D *Ma'lum*
- S40 Apakah pembahagian ilmu dalam Islam dari aspek hubungan dengan syariat?
- A Ilmu Aqli dan ilmu Naqli
 - B Ilmu Kasbi dan ilmu Laduni
 - C Ilmu Syariat dan ilmu Aqliyyah
 - D Ilmu Fardu Ain dan ilmu Fardhu Kifayah
- S41 Apakah sumber ilmu yang paling utama dalam Islam?
- A Akal
 - B Ilham
 - C Wahyu
 - D Pancaindera

S42 Siapakah tokoh yang melahirkan idea tentang Gagasan Pengislaman Ilmu (*Islamization of Knowledge*)?

- I Profesor Fazlur Rahman
- II Profesor Ismail al-Faruqi
- III Profesor Sheikh al-Idris Marbawi
- IV Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas

- A I, II dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C II, III, dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S43 Manakah pernyataan yang menjelaskan konsep kesepaduan ilmu?

- A Allah S.W.T. sebagai sumber ilmu
- B Menunjukkan kehebatan manusia dalam mencari ilmu
- C Manusia dan alam punca segala sumber ilmu pengetahuan
- D Natijah kesepaduan ilmu akan menjadikan manusia yakin untuk mencipta aliran pemikiran yang terkini mengikut keperluan semasa

S44 Apakah pengertian ilmu menurut perspektif Barat?

- A Ketibaan makna ke dalam jiwa pencari ilmu
- B Mengiktiraf ilmu yang merangkumi aspek lahiriah dan batiniah
- C Mengakui kewujudan perkara lain diluar kemampuan pancaindera
- D Pengenalan yang jelas terhadap fakta yang bersifat zahir dan empiris

S45 Apakah tahap kebenaran dan keyakinan dalam ilmu pengetahuan?

- A *'Ilm al-yakin*
- B *'Ain al-yakin*
- C *Haqq al-yakin*
- D *Sadq al-yakin*

S46 Apakah maksud ilmu Laduni?

- A Ilmu yang diperolehi melalui usaha dan proses pembelajaran
- B Ilmu pemberian langsung dari Allah S.W.T. melalui ilham atau wahyu
- C Ilmu muqaddimah untuk memahami kandungan al-Quran dan al-Sunnah
- D Ilmu yang berkaitan dengan akidah dan ibadah-ibadah wajib yang perlu ditunaikan

S47 Apakah maksud ilmu dalam falsafah Islam?

- I Ia merangkumi lahiriah dan batiniah
- II Sesuatu yang ada hubungan dengan tuhan
- III Segala sesuatu yang datang daripada Allah S.W.T.
- IV Mempunyai ikatan Tauhid yang tidak terputus dengan penciptanya

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S48 Apakah kepentingan menuntut ilmu dalam Islam?

- I Menjamin kesempurnaan ibadah yang dilakukan
- II Membentuk keperibadian dan akhlak yang mulia
- III Mengangkat darjat seseorang manusia di sisi Allah S.W.T. dan masyarakat
- IV Melatih manusia supaya hidup dalam kelompok berdasarkan kepakaran ilmu yang dimiliki

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S49 Apakah perkataan sekular dalam bahasa Arab?

- A *al- 'Ilmiyah*
- B *al- Amaniyyah*
- C *al- Ihsaniyyah*
- D *al- 'Almaniyah*

S50 Apakah yang menunjukkan maksud sebenar sekularisme?

- A Fahaman yang menggabungkan kehidupan dunia dan akhirat
- B Fahaman yang mementingkan kehidupan beragama semata-mata
- C Fahaman yang memisahkan kehidupan dunia dengan akhirat dalam semua aspek
- D Fahaman yang menerima sebahagian nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia

- S51** Apakah tujuan utama fahaman sekularisme?
- A Menyatukan kehidupan manusia supaya mencintai keamanan
 - B Menyatukan kehidupan manusia supaya mencari kekayaan dan kemewahan hidup
 - C Menyatukan kehidupan manusia supaya tidak percaya kepada tuhan, kitab dan hari kiamat
 - D Menyatukan kehidupan manusia supaya sentiasa mengimbangi kehidupan di dunia dan akhirat
- S52** Kenapakah pihak gereja Barat pada kurun ke-14M menganggap ilmu pengetahuan yang bersumberkan selain mereka adalah berbahaya?
- I Kerana ilmu yang membawa kemajuan datang dari orang-orang Islam
 - II Kerana cerdikawan Eropah yang balik membawa ilmu dari orang Islam suka bertutur dalam bahasa Arab
 - III Kerana kebanyakan murid-murid dari Eropah yang hendak belajar ilmu hanya boleh didapati di universiti Islam di Sepanyol
 - IV Kerana ilmu yang diperolehi dari orang-orang Islam dapat membina masyarakat Eropah menjadi lebih maju dan bertamadun
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S53** Apakah prinsip sekularisme menurut Syed Naquib al-Attas?
- A Aliran ini memperbaiki kehidupan manusia dengan cara rohani dan jasmani
 - B Kebenaran keduniaan (*secular*) adalah bebas dari ajaran wahyu dan kenabian
 - C Kebahagiaan hidup di dunia perlu dirujuk kepada dasar-dasar agama dan wahyu
 - D Pemerintahan dan kehidupan keduniaan mempunyai kaitan dengan agama dan nilai kerohanian
- S54** Apakah asal perkataan sains?
- A Scientia dari bahasa Latin
 - B Scientia dari bahasa Perancis
 - C Scientiria dari bahasa German
 - D Scientiacos dari bahasa Sepanyol

- S55** Apakah maksud perkataan *scientia*?
- A Pengetahuan saintifik tentang kejadian manusia
 - B Pengetahuan terhadap ujikaji makmal dan prosesnya
 - C Pengetahuan atau tahap kemahiran seseorang dalam ilmu sains
 - D Pengetahuan atau tahap keadaan tahunya seseorang terhadap fenomena alam
- S56** Apakah pengertian sains menurut *The Oxford English Dictionary*?
- A Pengetahuan yang bersistem dan terumus
 - B Pengetahuan yang saintifik tetapi tidak bersistem
 - C Pengetahuan yang tidak bersistem tetapi saintifik
 - D Pengetahuan yang mengutamakan ujikaji di dalam makmal
- S57** Apakah yang dikaji oleh Sains Tabii?
- A Kejadian manusia
 - B Teknologi robotik
 - C Kejuruteraan elektrik
 - D Bahasa dan komunikasi
- S58** Apakah kategori ilmu sains yang menghasilkan nilai kekuatan amali?
- A Sains Tabii
 - B Sains Politik
 - C Sains Gunaan
 - D Sains Komunikasi
- S59** Apakah tiga kategori ilmu sains?
- A Sains Tabii, Sains Gunaan dan Sains Sosial
 - B Sains Tabii, Sains Komputer dan Sains Gunaan
 - C Sains Perubatan, Sains Sosial dan Sains Gunaan
 - D Sains Tabii, Sains Tulen dan Sains Kejuruteraan

- S60** Apakah pandangan Peter Medawar di dalam bukunya *The Limit of Science* tentang pengertian sains?
- A Masalah ilmu sains akan bertambah jika tahap kefahamannya semakin kurang
 - B Seseorang akan berkurang tahap ilmu sains apabila ia mencerap sesuatu fenomena sains
 - C Seseorang akan bertambah tahap ilmu sains apabila ia mencerap sesuatu fenomena sains
 - D Seseorang tidak akan bertambah atau kurang ilmu sains apabila ia mencerap sesuatu fenomena sains
- S61** Apakah dua kaedah utama yang menjadi asas ilmu sains?
- A Induksi dan deduksi
 - B Ujikaji dan Inspirasi
 - C Sistematis dan saintifik
 - D Radiasi dan refleksiologi
- S62** Apakah kaedah sains untuk menyimpulkan fenomena alam yang diambil daripada kesimpulan umum dengan menggunakan kaedah *logical-positivism*?
- A Radiasi
 - B Induksi
 - C Deduksi
 - D Saintifik
- S63** Apakah salah satu peringkat kaedah induksi?
- A Tidak menganggap fenomena wujud di alam ini
 - B Menganggap semua fenomena ada hubung kait antara satu dengan yang lain
 - C Menganggap sebahagian fenomena ada hubung kait antara satu dengan yang lain
 - D Menganggap semua fenomena tiada hubung kait di antara satu dengan yang lain

Soalan 64 berdasarkan **Pernyataan 1**.

PERNYATAAN 1

“Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.” (Surah al-An’am : 125)

S64 Apakah kaitan antara al-Quran dan sains berdasarkan **Pernyataan 1** di atas?

- I Manusia akan menjadi lebih selamat jika berada di tempat yang tinggi
 - II Manusia akan mengalami sesak nafas jika semakin tinggi naik ke langit
 - III Tekanan udara akan semakin bertambah jika sesuatu benda semakin naik di atas permukaan laut
 - IV kepadatan udara berkurangan dengan drastik setiap kali kita sampai pada ketinggian yang sangat tinggi
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S65 Mengapakah hubungan antara al-Quran dan sains tidak boleh dipisahkan?

- A Kedua-duanya bersumber daripada Allah S.W.T.
- B Sains dan al-Quran kadang-kadang boleh menyelesaikan persoalan umat
- C Al-Quran dan sains pekara yang paling penting dalam kehidupan manusia
- D Al-Quran diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada umat manusia manakala sains dicipta oleh manusia.

S66 Apakah fungsi gunung-ganang menurut al-Quran?

- A Menstabilkan bumi
- B Mengindahkan pemandangan bumi
- C Memelihara ekosistem kehidupan di bumi
- D Menyediakan kekayaan hasil bumi kepada manusia

S67 Manakah pernyataan yang tepat tentang hubungan sains dan al-Quran?

- A Sains membuktikan kebenaran al-Quran
- B Pertemuan antara ayat-ayat *kauniyat* dan sunnatullah
- C Percanggahan antara penemuan sains dan ayat-ayat *kauniyat*
- D Pembuktian sains yang selalu mendapat sokongan dari ayat al-Quran

Soalan 68 berdasarkan **Pernyataan 2**.

PERNYATAAN 2

“Adakah manusia mengira bahawa kami tidak akan mengumpulkan kembali tulang belulang mereka. Bukan demikian, kami mampu menyusun jari jemari mereka dengan sempurna” (Surah Al-Qiyamah:3-4)

- S68** Apakah pembuktian sains dalam **Pernyataan 2** di atas?
- A Perkembangan janin dalam kandungan
 - B Cap jari manusia sebagai tanda pengenalan
 - C Tulang-tulang manusia dapat dicantumkan semula selepas mati
 - D Jari jemari manusia boleh dijadikan alternatif untuk menggantikan alat mengira
- S69** Manakah pernyataan yang menjelaskan tentang fungsi atmosfera yang disebutkan dalam al-Quran?
- A Mencetuskan proses kejadian hujan
 - B Menyamakan kadar oksigen di setiap lapisan bumi
 - C Mengembalikan sinar ultra violet yang merosakkan kulit
 - D Mengumpulkan oksigen untuk diagihkan kepada seluruh makhluk hidup
- S70** Apakah tahap-tahap perkembangan bayi dalam janin?
- A Pre-embrionik, embrionik dan fetus
 - B Pre-embrionik, embrionik dan fleksi
 - C Pre-embrionik, embrionik dan empirik
 - D Pre-embrionik, embrionik dan ekstrinsik
- S71** Apakah sebab utama ramai saintis bukan Islam memeluk agama Islam?
- A Terdapat persamaan antara sains moden dengan sains Islam
 - B Terdapat pertemuan antara sains dengan kehendak al-Quran
 - C Terdapat persamaan antara sains al-Quran dengan sains Islam
 - D Terdapat pertemuan antara kehendak wahyu dengan sunnatullah

S72 Manakah pernyataan yang menjelaskan tentang hubungan antara sains dengan akhlak, moral dan etika?

- I Wujud hubungan yang erat antara sains dengan akhlak, moral dan etika
 - II Nilai-nilai akhlak dalam ajaran agama adalah menyokong kemajuan sains dan teknologi
 - III Sains tidak boleh dikosongkan daripada peraturan dan sistem akhlak serta nilai yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T.
 - IV Panduan yang diberikan oleh agama, sains, teknologi serta inovasi-inovasi baharu akan membawa kehancuran kepada manusia itu sendiri
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

S73 Apakah pernyataan yang dikaitkan dengan maksud moral?

- I Amalan
 - II Perbuatan
 - III Tingkah laku
 - IV Nilai-nilai yang baik dan buruk dalam sesuatu masyarakat
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

S74 Apakah pembahagian etika?

- A Etika aktif dan pasif
- B Etika pasif dan normatif
- C Etika normatif dan efektif
- D Etika deskriptif dan normatif

Soalan 75 adalah berkaitan pembahagian etika dengan merujuk kepada **Jadual 5**.
Pilih jawapan yang tepat.

JADUAL 5

Etika Islam
Etika Hindu
Etika Yahudi
Etika Buddha
Etika Kristian

S75 Apakah jenis etika dalam **Jadual 5** di atas?

- A Relatif
- B Normatif
- C Deskriptif
- D Spekulatif

S76 Apakah yang dimaksudkan dengan etika?

- I Etika berasal daripada perkataan *ethos* yang merujuk kepada perlakuan seseorang
 - II Satu disiplin atau peraturan yang menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk
 - III Satu disiplin yang dapat memberi maklumat kepada kita apakah sistem moral yang diamalkan oleh kelompok tertentu
 - IV Satu set peraturan tetap yang diwujudkan sebagai panduan kepada manusia untuk menjamin kehidupan yang aman dan harmoni
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S77 Manakah pernyataan yang menjelaskan tentang akhlak Islam?

- A Akhlak bukan matlamat utama dalam Islam
- B Akhlak, akidah dan syariah tidak boleh dipisahkan
- C Akhlak Islam menekankan aspek tingkahlaku luaran sahaja
- D Akhlak manusia boleh dibentuk tanpa merujuk kepada akidah dan syariah

Soalan 78 merujuk kepada **Pernyataan 3**.

PERNYATAAN 3

Suatu sifat yang tetap dan sehati dalam jiwa yang akan melahirkan perbuatan sama ada baik atau buruk tanpa perlu kepada pemikiran terlebih dahulu. (al-Ghazali)

S78 Pilih istilah yang tepat berdasarkan definisi dalam **Pernyataan 3**.

- A Etika
- B Moral
- C Norma
- D Akhlak

S79 Apakah sumber utama akhlak Islam?

- A Al-Quran dan Hadith
- B Tradisi dan adat resam
- C Peraturan dan undang-undang
- D Contoh dan tauladan daripada ibubapa

S80 Manakah pernyataan berikut merujuk kepada peranan akidah dalam pembentukan keperibadian seseorang individu?

- I Agama adalah sumber nilai-nilai akhlak
 - II Ikhlas dalam amalan merupakan kunci akhlak yang luhur
 - III Semakin kuat pegangan akidah seseorang, semakin baik akhlaknya
 - IV Sains, teknologi dan inovasi mampu menyumbang kepada pembentukan keperibadian yang mulia
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

-SOALAN TAMAT-